



PASANGAN suami isteri direman bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu dana Penjana Kerjaya.

Tuntutan palsu dana RM1.2 juta

Pasangan suami isteri direman 5 hari

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini, semalam membenarkan sepasang suami isteri direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu dana insentif Program Penjana Kerjaya (Penjana Kerjaya) bernilai lebih RM1.2 juta.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Mohamad Izwan Mohamed Noh selepas dimohon pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka.

Beliau membenarkan kedua-dua suspek berusia 54 dan 49 tahun yang juga pemilik syarikat di-

siasatan mengikut Sesyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Terdahulu, suspek lelaki memakai baju lokap SPRM dan isterinya yang mengenakan blaus dibawa menaiki dua kenderaan dan tiba di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh jam 9.52 pagi.

Difahamkan kedua-dua mereka ditahan sekitar jam 5 petang kelmarin, ketika hadir membantu siasatan tuntutan palsu insentif Penjana Kerjaya antara 2020 hingga 2022 di Pejabat SPRM Melaka di Alai, di sini.

Penahanan mereka disyaki mempunyai kaitan dengan operasi Op Hire yang dilancarkan SPRM bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menyiasat isu tuntutan palsu dan penyelewengan dana insentif